



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENANGGUHAN SEMENTARA OPERASI MAHKAMAH TINGGI SIVIL, MAHKAMAH
RENDAH SIVIL, PUSAT MEDIASI MAHKAMAH SERTA KAUNTER-KAUNTER
PERKHIDMATAN MAHKAMAH DI MENARA MSC CYBERPORT, JOHOR BAHRU**

Merujuk kepada kes positif COVID-19 di Mahkamah Johor Bahru yang bertempat di Menara MSC Cyberport, No. 5 Jalan Bukit Meldrum, 80300 Johor Bahru, Johor ("Menara MSC Cyberport"), YAA Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat telah mengarahkan agar operasi Mahkamah dan kaunter-kaunter perkhidmatan Mahkamah di Menara MSC Cyberport ditangguhkan selama empat belas (14) hari berkuat kuasa pada **1 November 2020 hingga 14 November 2020** bagi menjalankan kerja-kerja sanitasi dan langkah-langkah pencegahan yang berkaitan.

Sepanjang penangguhan sementara operasi Mahkamah dan kaunter-kaunter perkhidmatan tersebut, **Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 17 Mac 2020 dan **Pemakluman Pendengaran Kes Secara Dalam Talian Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahun 2020** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 26 Mac 2020 dan 24 April 2020 adalah terpakai.

Bagaimanapun, pemakaian panduan di atas perlulah diubah suai dengan mengambil kira keperluan Mahkamah masing-masing dan tarikh pemakaian.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi Pendaftar dan Pegawai Mahkamah seperti berikut:

- (a) **Mahkamah Tinggi Malaya**
Puan Hasbi binti Hasan
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
03-88803702 / 012-2098648 / hasbi@kehakiman.gov.my
- (b) **Mahkamah Rendah Malaya**
Tuan M. Bakri bin Abd Majid
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
03-88809418 / 019-9851333 / mbakri@kehakiman.gov.my
- (c) **Mahkamah Negeri Johor**
Tuan Mohamad Haldar bin Abd. Aziz
Pengarah Mahkamah Negeri Johor
012-7696352 / haldar@kehakiman.gov.my
- (d) **Mahkamah Negeri Johor**
Puan Azureen Sahira binti Sauffee
Timbalan Pendaftar Pentadbiran Mahkamah Johor Bahru
019-3108313 / azureen@kehakiman.gov.my
- (e) **Mahkamah Negeri Johor**
Tuan Mohd Zulhilmi bin Ibrahim
Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Johor Bahru
012-7234443 / zulhilmi@kehakiman.gov.my

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 30 Oktober 2020